

15 JUL 1997

Mohamed-IT

KEMPEN MEMPEKENALKAN IT MULAI BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Majlis Penerangan Kebangsaan (MPK) akan menjelaskan kepada rakyat jelata mengenai perkembangan terkini teknologi maklumat (IT) dalam usaha menarik minat rakyat untuk mengenali bidang itu dari lebih dekat lagi.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata, kempen IT yang bertemakan "IT Budaya Kita" peringkat kebangsaan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan depan.

Perkembangan IT seperti Multimedia dan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan kepentingannya kepada rakyat dan negara perlu diperjelaskan kepada setiap peringkat masyarakat.

"Kempen ini akan diadakan secara berterusan sehingga peringkat daerah dan kampung," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat tahunan MPK di sini, hari ini.

Kempen ini mempunyai tiga objektif utama iaitu menghapuskan rasa takut dan sikap negatif terhadap IT, menjelaskan peluang-peluang sebenar daripada perkembangan IT dalam pembangunan ekonomi, sosial dan politik negara dan menjelaskan usaha-usaha kerajaan dan peranan masyarakat sendiri untuk memanfaatkan IT dengan bijak.

Mohamed berkata, kempen dengan empat pendekatan strategik iaitu melalui asuhan minda supaya masyarakat menerima dan memahami apa itu IT, pemasaran dan promosi IT, penerapan nilai-nilai positif IT dan penghayatan IT sebagai budaya hidup.

Pada peringkat awal, Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) akan diminta memperkenalkan termonologi (perkataan-perkataan) dalam bidang IT supaya rakyat dapat mengenali dan memahami maksudnya.

Mohamed berkata kempen itu adalah dengan kerjasama Institut Sistem Mikro-Elektronik Malaysia (MIMOS) dan Majlis Pembangunan Multimedia (MDC).

-- BERNAMA

SJA PR